

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: HOTEL PALACE OF THE GOLDEN HORSES
Tarikh: 01-10-2004
Tajuk : MAJLIS AMAL "MALAM WARISAN KASIH" SEMPENA
PELANCARAN BUKU BIOGRAFI "PERPETUATING A UNIQUE
TRADITION OF A UNIQUE COUNTRY -THE INSTALLATION
OF HIS MAJESTY AND MALAYSIA EXPLAINED"

Bismillahirrahmanirrahim,

YB Dato' Azmi Khalid, Menteri Hal Ehwal dalam Negeri selaku
Wakil DYMM Pengerusi Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis, dan
Y.Bhg Datin ,

YBhg Cik Rafiza Nordin,
Pengerusi Jawatankuasa Pengelola "Malam Warisan Kasih",

Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola

Ahli - Ahli Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis,

Dato - Dato , Datin - Datin

Tuan -tuan dan puan-puan yang saya hormati,

Assalamualaikum wrt.wbt.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama mengucapkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul bersama-sama, dalam keadaan yang aman damai dan dalam suasana ceria, di majlis amal "Malam Warisan Kasih" ini, bagi melancarkan sebuah buku berbentuk biografi yang cukup Istimewa. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak Terima Kasih kepada pihak penganjur yang telah sudi menjemput saya ke Majlis yang penuh bererti ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya amat tertarik dengan buku biografi DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang bertajuk " Perpetuating A Unique Tradition Of A Unique Country - The Installation Of His Majesty and Malaysia Explained" yang bakal dilancarkan pada malam ini. Pada hemat saya, penerbitan buku ini amatlah sesuai dan tepat pada masanya kerana penghasilannya

sekaligus merakamkan sejarah institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia disamping mempamerkan adat dan budaya melayu untuk pengetahuan mereka yang berminat untuk mengenal negara dan masyarakat kita secara lebih dekat, samada dari kalangan rakyat kita sendiri maupun warga asing.

Selain itu, buku ini juga telah berjaya menyingkap personaliti peribadi DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan keluarga di-Raja negeri Perlis, dan ini pastinya membolehkan rakyat yang mengamati penerbitan ini, mengenal Raja yang mereka kasihi dengan lebih rapat.

Sebenarnya buku ini amat penting bagi merakamkan keunikan institusi Raja Berperlembagaan di negara ini. Ini adalah kerana sistem giliran perlantikan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di kalangan sembilan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu setiap tempoh 5 tahun ini adalah suatu sistem yang unik. Malaysia adalah satu-satunya negara di dunia yang mengamalkan sistem giliran Ketua Negara sedemikian.

Sejak Merdeka hingga kini, sistem ini telah membentuk salah sebuah tonggak utama kestabilan negara dan telah mengukuhkan institusi Raja Berperlembagaan yang menjadi lambang kedaulatan negara kita. Dengan wujud dan berterusan nya sistem ini dan dengan teguhnya institusi raja berperlembagaan, rakyat Malaysia dapat menghayati kesinambungan antara sejarah silam dan kehidupan masa kini, dan ini secara tidak langsung menyerlahkan identiti mereka sebagai sebuah bangsa berdaulat; sebuah bangsa yang sudah lama menapak di bumi bertuah ini, dan sebuah bangsa yang kaya dengan tradisi dan adat resam. Hari ini institusi Raja Berperlembagaan ini, bukan sahaja menjadi lambang sebuah negara yang bebas merdeka tetapi ia juga menjadi lambang perpaduan rakyat berbilang kaum di bawah naungan payung negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya berpendapat, penghasilan buku seperti biografi DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail ini amatlah penting khususnya sebagai sumber maklumat dan inspirasi bagi golongan muda. Melalui buku ini, bukan sahaja mereka dapat mendalami personaliti DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, tetapi mereka juga dapat mempelajari sedikit sebanyak tentang sejarah kerajaan dan ketamadunan Melayu. Golongan muda harus diberi pendedahan secukupnya kepada

bahan-bahan bebentuk sejarah, kebudayaan dan tradisional, agar mereka tidak sekali-kali leka dengan arus pembangunan dan pemodenan semasa sehinggakan mereka melupakan akar umbi mereka.

Kita tidak ingin lihat generasi yang akan datang menjadi generasi yang tidak tahu menghargai adat resam serta budaya, apatah lagi nilai-nilai murni ketimuran. Kita meletakkan harapan tinggi agar anak-anak muda kita akan terus menyanjung tradisi-tradisi kita; adat dan budaya kita, dan akan sentiasa mempertahankan kedaulatan negara kita yang di lambangkan oleh institusi Raja-Raja.

Oleh itu, saya ingin menyarankan agar perpustakaan-perpustakaan, sekolah-sekolah maupun institusi-institusi pengajian tinggi melengkapkan khazanah ilmu mereka dengan buku-buku yang tinggi nilai ilmu dan sejarahnya seperti buku biografi ini. Saya percaya, jika anak-anak kita diberi pendedahan awal kepada perkara-perkara sedemikian, pastinya suatu hari nanti mereka akan menjadi individu-individu yang kasihkan bangsa dan cintakan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Majlis pada malam ini juga merupakan majlis amal. Saya amat gembira melihat begitu ramai dari kalangan rakyat Malaysia yang sentiasa bersedia untuk menyumbang kearah kebajikan masyarakat. Dalam usaha kita mencapai aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara maju dan makmur, kita harus ingat bahawa kemajuan yang kita inginkan adalah kemajuan yang holistik atau menyeluruh.

Kita tidak ingin maju dari segi fizikal atau dari segi ekonomi semata-mata, sedangkan kita ketinggalan dari aspek kerohanian dan kemanusiaan. Kita inginkan bangsa kita menjadi bangsa yang maju, disamping berpegang teguh kepada nilai-nilai murni dan sikap-sikap terpuji.

Melihatkan begitu ramai rakyat Malaysia yang perihatin dan bermurah hati yang hadir untuk menjayakan malam amal "Warisan kasih" ini sambil menyumbang kepada Tabung Yayasan Tuanku Syed Putra, saya percaya, cita-cita kita untuk membentuk masyarakat penyayang yang progresif dan berjaya pasti akan tercapai. Harapan kita agar sikap pemurah ini menjadi kebiasaan dan amalan setiap rakyat Malaysia kini dan di masa-masa akan datang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalukan penglibatan sektor korprat dalam aktiviti-aktiviti yang bercorak kebajikan, seperti Malam Warisan Kasih ini. Kecenderungan semakin banyak syarikat-syarikat korporat untuk membudayakan apa yang disebut "corporate social responsibility" ataupun tanggungjawab sosial sektor korporat adalah amat baik sekali.

Sememangnya sektor korporat boleh memainkan peranan yang amat besar dalam menyumbang kepada masyarakat samada dalam bentuk sumbangan secara langsung maupun sumbangan dalam bentuk penajaan pelbagai program dan aktiviti berkonsepkan kebajikan masyarakat. Saya harap sektor korporat di Malaysia akan terus memainkan peranan dan membantu dalam usaha-usaha kita mewujudkan masyarakat yang perihatin dan saling bantu membantu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kepada semua dermawan yang telah menyumbang dengan penuh murah hati pada malam ini, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Saya percaya sumbangan anda semua akan disalurkan sewajarnya kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan, dan tentunya mereka ini amat menghargai sumbangan tersebut.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua yang telah menjayakan majlis pada malam ini dan juga kepada semua yang telah menyumbang kearah penerbitan buku biografi istimewa DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong kita. Jelas sekali usaha gigih anda semua telah membuahkan kejayaan yang cemerlang dan saya harap agar usaha seperti ini dapat terus dilaksanakan di masa-masa hadapan kearah memelihara dan mengekalkan nilai-nilai sejarah, tradisi, adat resam serta budaya, demi untuk masa depan bangsa dan negara.

Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz "Bismillahirrahmanirrahim" dengan rasminya melancarkan biografi DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang bertajuk " Perpetuating A Unique Tradition Of A Unique Country - The Installation Of His Majesty and Malaysia Explained"

Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum wrt. Wbt.